

Ruj. MQA : MQA.600-2/1/6 Jld.120( 33 )  
Tarikh : **19 AUG 2019**

YBhg. Profesor Ts. Dr. Wahid bin Razzaly  
Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)  
Parit Raja  
86400 Batu Pahat  
**JOHOR DARUL TAKZIM**

YBhg. Prof.,

### **PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA BAGI PROGRAM DOKTOR FALSAFAH (MQA/PA 11854)**

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Akreditasi, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) yang bermesyuarat pada **31 Julai 2019** telah menimbangkan permohonan untuk mendapatkan Perakuan Akreditasi Sementara bagi program tersebut di atas.

3. Selaras dengan Seksyen 39 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007, MQA telah memutuskan untuk **memberi Perakuan Akreditasi Sementara selama 5 tahun bermula dari tarikh surat ini.**

4. Pihak YBhg. Prof. perlu mengemukakan bukti pematuhan syarat-syarat Perakuan Akreditasi Sementara seperti yang dinyatakan di perkara 3 dan 4 **Lampiran A** dalam tempoh **satu tahun dari tarikh surat ini**. Kegagalan pihak YBhg. Prof. mengemukakan dokumen dalam tempoh atau gagal mematuhi syarat yang ditetapkan akan menyebabkan Perakuan Akreditasi Sementara dibatalkan.

5. Permohonan Akreditasi Penuh hendaklah dikemukakan kepada MQA setelah kohort pertama pelajar menyediakan draf tesis atau telah menjalani *viva voce*. Pihak MQA boleh melaksanakan pemantauan program tersebut dalam tempoh Perakuan Akreditasi Sementara diberikan.

6. Sebarang maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan menghubungi **Puan Juliana binti Mohamed Salleh** di talian **03-8688 3710** atau e-mel: [juliana@mqa.gov.my](mailto:juliana@mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)**

s.k.: Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 9, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

Fail MQA.600-2/2/7885